

SPARKLE
TOTS PRESCHOOL
BY PAP COMMUNITY FOUNDATION



Joy of Reading 2022

Pra Nurseri & Nurseri



Menggeling Gelang!

Apa yang diperlukan:

1. Gelang getah atau getah rambut
2. Selendang, tuala muka, lengan/ kaki baju atau seluar atau, gelung tisu

Apa yang dipelajari:

1. Meningkatkan kemahiran motor halus
2. Membina ikatan ibu bapa dan kanak-kanak semasa melakukan aktiviti menggunakan bahan-bahan yang terdapat di rumah

Aktiviti mudah yang meningkatkan kemahiran motor halus menggunakan bahan-bahan yang terdapat di rumah.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Menunjukkan kepada anak anda beberapa gelang getah/ getah rambut dan selendang. Memberi masa untuk anak anda meneroka bahan-bahan tersebut.
2. Memberitahu anak anda bahawa anda berdua akan 'menggeling' gelang-gelang getah yang ada di selendang. (Untuk kanak-kanak yang lebih dewasa, beri mereka peluang untuk menyaranakan cara tersendiri menggeling gelang getah di selendang.
3. Mendemontrasi dan menjemput anak anda 'menggeling' gelang-gelang getah di selendang bersama-sama.
4. Meneruskan aktiviti dengan 'menggeling' sebanyak mungkin gelang getah/ getah rambut di selendang.



Tips untuk Ibu Bapa:

Ambil peluang untuk berbual-bual dengan anak anda tentang bentuk gelang getah/ getah rambut yang serupa dengan watak-watak di dalam buku cerita Bahasa Ibunda.

Mencari Bentuk!

Mengenal pelbagai bentuk di sekeliling menggunakan pemidang tilik.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

Apa yang diperlukan:

1. Kanta pembesar atau teropong
2. Saranan Bahan Kitar Semula:
 - majalah/ surat khabar
 - kayu penyepit makanan/ sudu plastik (pastikan bersih dan selamat)
3. Gam/ pita pelekat

Apa yang dipelajari:

1. Mengenal pelbagai bentuk disekeliling
2. Membuat pemidang tilik (viewfinder) menggunakan bahan-bahan kitar semula

1. Mengenalkan kanta pembesar/ teropong kepada anak anda dan kongsi bagaimana bahan ini membantu memberi tumpuan semasa mencari objek.
2. Membimbing anak anda membuat pemidang tilik (viewfinder) yang pelbagai bentuk menggunakan bahan-bahan kitar semula.
3. Memberi peluang untuk anak anda memilih bahan yang ingin digunakan. (Untuk kanak-kanak yang lebih dewasa, jemput anak anda menyarankan cara membuat pemidang tilik).
4. Membawa anak anda berjalan-jalan di dalam rumah dan mencari pelbagai bentuk menggunakan pemidang tilik.

Contoh:

- Segi empat tepat: bangku, jubin
 - Bulat: butang lif
 - Segi empat: jubin, kusyen
5. Lakukan aktiviti ini secara bertahap – mulakan dengan mencari satu bentuk dahulu sebelum mencari bentuk-bentuk seterusnya.



Tips untuk Ibu Bapa:

Adakan peluang untuk berbual-bual dengan anak anda tentang keunikan setiap bentuk dan kepentingan menggunakan bahan kitar semula.